

Peranan Pustakawan Dalam Pembangunan Negara.

Pengenalan

Seminar Kebangsaan Perpustakaan di Malaysia bertemakan "Anjakan Paradigma 2000" telah diadakan pada 23 hingga 24 Ogos 2000 di Kuala Lumpur.

Abad ke-21 merupakan era di mana pelbagai cabaran dan rintangan terus mencabar profesion kepustakawanan dalam segala aspek. Wujudnya k-ekonomi dan k-komuniti memperhebatkan lagi cabaran dalam pengurusan maklumat kepada pustakawan. Ianya seiring dengan perkembangan pesat dalam bidang Teknologi Telekomunikasi Maklumat (ICT) yang memerlukan pustakawan yang berpengetahuan luas dalam Teknologi Maklumat (IT). Era IT sememangnya telah mula di rasai dalam masyarakat dan negara kita dengan wujudnya projek mega seperti *Multimedia Super Coridor (MSC)*, *e-commerce*, *e-learning* dan sebagainya yang merupakan aplikasi di dalam wawasan 2020 yang ingin dicapai oleh negara.

Peranan Pustakawan

Proses pembelajaran dan pengajaran juga telah mula berubah dengan wujudnya pembelajaran secara 'maya' atau *virtual*. Bidang kepustakawanan juga telah berubah corak dengan adanya perpustakaan alaf baru seperti Perpustakaan Maya (*Virtual Library*). Perkembangan ini memerlukan para profesional maklumat yang mahir untuk mengurus serta mengorganisasikan semula maklumat agar ianya mudah di akses oleh para pengguna.

Pustakawan juga harus kreatif serta mahir dalam mendapatkan maklumat dari sumber yang pelbagai dengan tidak bergantung kepada sumber yang telah sedia ada. Pustakawan perlu merubah corak pemikiran, pengurusan serta berani memperkenalkan suatu yang baru dalam pentadbiran dan pengurusan agar seiring dengan perkembangan IT yang berlaku kini.

Jika dilihat dari aspek tanggapan serta pandangan masyarakat kepada bidang kepustakawanan ini, ianya telah semakin berubah sama sekali. Profesion sebagai pengurus maklumat semakin diiktiraf dalam masyarakat dengan adanya kesedaran masyarakat akan pentingnya maklumat serta ilmu pengetahuan kepada pembangunan sesebuah negara serta dalam mengangkat martabat sesebuah masyarakat. Ini kerana negara yang maju adalah kerana masyarakatnya yang bermaklumat. Tanpa maklumat serta ilmu pengetahuan, sesebuah negara dan masyarakat akan ketinggalan serta mundur dalam pelbagai aspek. Ianya umpama mengemis di negara sendiri walaupun negara itu ada segala-galanya.

Dalam konteks negara kita sendiri, profesion sebagai pustakawan juga telah semakin berkembang, tidak hanya dalam menguruskan maklumat di perpustakaan tetapi juga dalam bidang yang lain. Ianya seperti di sektor swasta yang di kenali sebagai *Information Executive*, *MIS Executive*, *Record Manager* dan lain-lain lagi. Walau apapun nama yang di berikan, ianya masih dalam bidang yang sama dan merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mengurus maklumat tetapi berbeza dari segi pendekatan.

Kesimpulan

Oleh yang demikian, profesion sebagai pustakawan atau pengurus maklumat ini merupakan suatu kerjaya yang cukup tinggi martabatnya. Peranan pustakawan juga semakin penting di abad ke-21 ini dalam membantu pembangunan insan serta negara. Pembangunan dalam IT yang semakin pesat memberi satu cabaran baru yang tidak harus dipandang remeh. Kita harus peka dengan perkembangan yang berlaku setiap hari agar tidak dianggap ketinggalan dan memberikan maklumat yang telah lapok kepada pengguna serta masyarakat. Oleh yang demikian, apa yang harus di lakukan adalah melakukan "Anjakan Paradigma" iaitu dari segi cara berfikir, membuat keputusan, meningkatkan pengetahuan diri serta dalam pengurusan dan pentadbiran organisasi perpustakaan.

Muhamad Faizal Abd. Aziz